

15 SEP 2001

SEA-Abdullah (Sasaran)

ABDULLAH UCAP TAHNIAH PADA ATLIT

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada atlit negara berikutan kejayaan Malaysia mencapai sasaran mengutip 80 pingat emas pada Sukan SEA ke-21 yang sedang berlangsung.

Beliau berharap kejayaan itu akan menyemarakkan lagi semangat atlit negara untuk terus mengutip pingat emas dan muncul juara keseluruhan pada temasya kali ini.

"Tahniah kontinjen Malaysia. Ini adalah satu kejayaan bagi memenuhi harapan kita untuk mendapatkan 80 pingat emas," katanya ketika ditemui pemberita di Stadium Putra, tempat berlangsungnya acara gimrama.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga berkunjung ke venue yang sama dan menyaksikan acara gimrama yang sedang berlangsung.

Dr Mahathir juga merakamkan aksi peserta gimrama negara Celestie Chan dan dari Thailand, Tharatip Sridee dan Pattra Sarikaputra ketika rutin gelung berlangsung.

Kehadiran Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri itu telah memeriahkan lagi suasana di Stadium Putra apabila penonton memberikan tepukan gemuruh setiap kali wajah pemimpin negara itu difokuskan oleh skrin televisyen di stadium berkenaan.

Abdullah memuji prestasi serta semangat tinggi yang ditunjukkan oleh para atlit negara.

"Mereka sebenarnya membuktikan semangat "Malaysia Boleh". Mereka telah meyakinkan kebolehan mereka. Tahniah kepada semua," kata Abdullah.

-- BERNAMA

LES LES LAT